

17 MAR 1999

PENAPISAN INTERNET BUKAN PENYELESAIAN MASALAH SOSIAL, KATA MBM

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) menegaskan bahawa penapisan terhadap Internet bukan langkah penyelesaian terhadap masalah gejala sosial di kafe siber.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bandar MBM Norizan Sharif yang menyambut baik keputusan kerajaan tidak mengenakan penapisan terhadap Internet berkata pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak perlu melatah terhadap perkembangan Internet dan kafe siber.

Akhbar hari ini melaporkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan kabinet membatalkan sebarang usaha membentuk penapisan Internet.

Norizan dalam kenyataannya hari ini berkata tapisan itu boleh memberikan imej yang salah kepada dunia mengenai Malaysia dan mungkin menggagalkan usaha mempromosikannya Koridor Raya Multimedia (MSC).

MBM turut meminta pihak berkuasa tempatan berwaspada dengan sebarang peraturan berhubung penggunaan Internet dan meminta Majlis Perbandaran Subang Jaya mengkaji semula penggunaan "smartcard" yang digunakan untuk mengawasi laman web yang dikunjungi pengguna perpustakaan hipermedia.

Parti Gerakan turut menyambut baik arahan Dr Mahathir itu dan menurutnya langkah itu boleh menjawab kritikan yang selama ini menuduh kerajaan mengamalkan penapisan dan halangan lain.

Anggota jawatankuasa pusatnya Dr S. Vijayaratnam berkata Gerakan percaya rakyat Malaysia cukup matang untuk menilai sesuatu dan memilih mana yang baik bagi mereka.

-- BERNAMA
RZS AHH RON